

Amalan Pengurusan Kurikulum Serta Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru.

Hassan Bin Hushin & Nurbaizura Binti Yahya
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat amalan pengurusan kurikulum, pengurusan keselamatan dan pengurusan kesihatan di Sekolah Rendah Islam Hidayah (SRIH). Sampel kajian terdiri daripada 68 orang guru SRIH. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk melihat amalan pengurusan kurikulum, amalan pengurusan keselamatan dan amalan pengurusan kesihatan di SRIH. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah $\alpha = 0.916$. Data maklumat yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS)Versi 14.0 serta analisis deskriptif berbentuk peratus dan min. Hasil kajian mendapati min keseluruhan bagi pengurusan kurikulum dan pengurusan keselamatan adalah tinggi. Oleh itu jelas membuktikan bahawa semua aspek pengurusan ini diamalkan oleh pihak sekolah. Walaubagaimanapun bagi elemen pengurusan kesihatan berada pada tahap sederhana. Penyelidik mencadangkan kepada pihak sekolah untuk mempertingkatkan keberkesanan amalan pengurusan kurikulum serta keselamatan dan kesihatan di kalangan pihak sekolah dengan menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan. Cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan disertakan untuk tujuan penambahbaikan.

Katakunci : amalan pengurusan kurikulum, pengurusan keselamatan, pengurusan kesihatan

Pengenalan

Pendidikan swasta telah wujud di Malaysia semenjak tahun 1950an. Pada ketika itu banyak sekolah pondok didirikan untuk mengajar pelajar sebagai persediaan untuk menyambung pelajaran di luar negeri khususnya dalam bidang agama. Pada awal tahun 1970an, perkembangan semasa peranan dan fungsi sistem pendidikan telah mewujudkan sekolah swasta bagi menampung para pelajar untuk meneruskan pelajaran diperingkat menengah.

Tahun 1980an telah menyaksikan suatu perubahan yang penting di mana pendidikan swasta turut sama menyediakan peluang pendidikan diperingkat pendidikan tinggi sebagai alternatif kepada mereka yang tidak terpilih memasuki institusi-institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Pada hari ini pendidikan swasta di Malaysia telah berkembang dengan begitu pesat dengan penubuhan lebih banyak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Pendidikan Swasta (IPS).

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), telah menyediakan segala kemudahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran kepada semua kanak-kanak di Malaysia khususnya di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Antara kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan termasuklah keselesaan bangunan, kerusi meja, buku teks, makmal komputer dan guru bertaualiah serta bilangan guru yang mencukupi.

Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru merupakan sebuah sekolah swasta yang ditubuhkan bertujuan untuk memberi pendidikan Islam kepada anak-anak bukan sahaja berasal dari Johor tetapi juga Sarawak, Sabah, Singapura dan Indonesia dari darjah satu hingga darjah 6. Sekolah dibina tanpa bertujuan untuk mencari keuntungan. Dalam menjalankan pendidikan, Sekolah Rendah Islam Hidayah tidak terlepas dalam menjaga sistem pengurusan sekolah. Pelajar dapat mempertingkatkan prestasi mereka jika sistem pengurusan sekolah adalah berkesan.

Penyataan Masalah

Pengurusan sesebuah sekolah yang berkesan memainkan peranan yang penting untuk memastikan sekolah berkenaan mencapai matlamat yang diharapkan. Jika sesebuah sekolah mengkehendaki keputusan yang cemerlang dalam apa jua bidang, maka pentadbir sekolah berkenaan perlulah mempunyai matlamat dan strategi yang jelas untuk mencapai maksud yang diharapkan. Sesebuah sekolah yang berhasrat menuju ke arah kecemerlangan perlulah mempunyai satu standard dalam pengurusan penilaian yang memainkan peranan oleh guru dalam mengamalkan pengurusan yang efektif.

Masalah yang dihadapi di sekolah swasta ialah tiada satu standard piawaian yang dikhaskan kepada sekolah untuk digunakan sebagai garis panduan dalam sistem penilaian pengurusan sekolah swasta di Malaysia. Berdasarkan kepada latar belakang masalah yang dinyatakan, oleh itu pengkaji ingin menjalankan satu kajian untuk mengenalpasti sama ada amalan pengurusan mengenai elemen pengurusan kurikulum, pengurusan keselamatan dan pengurusan kesihatan di beri kepentingan oleh guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengurusan di Sekolah Rendah Islam Hidayah, mengenai elemen pengurusan kurikulum, pengurusan keselamatan dan pengurusan kesihatan. Justeru itu kajian ini menjurus secara spesifik untuk menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Menenalpasti amalan Pengurusan Kurikulum di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru.
- ii. Menenalpasti amalan Pengurusan Keselamatan di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru.
- iii. Menenalpasti amalan Pengurusan Kesihatan di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru.

Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada pihak sekolah berkenaan mempertingkatkan lagi sistem pengurusan di Sekolah Rendah Islam Hidayah (SRIH). Ia juga dapat memberikan garis panduan kepada pihak sekolah terutamanya pentadbir bagi mewujudkan sistem pengurusan yang lebih efisien dan berkualiti tinggi. Pengkaji menganggap kajian itu penting kerana:

- a. Menjadikan instrumen yang telah dibina oleh penyelidik sebagai penilaian dalaman (*self assessment*) kepada sekolah untuk proses penambahbaikan.
- b. Penyelidikan ini boleh dijadikan panduan secara am atau dirujuk oleh guru dan pihak pentadbir supaya dapat memantapkan lagi sistem pengurusan kurikulum serta pengurusan keselamatan dan kesihatan.
- c. Sebagai panduan dan kesedaran kepada pihak sekolah supaya memperbaiki sistem pengurusan yang sedia ada.
- d. Kajian ini juga memberi peluang kepada guru-guru meningkatkan kemahiran-kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pencapaian kerja yang cemerlang.
- e. Maklumat dari kajian ini boleh dijadikan '*benchmarking*' kepada sekolah-sekolah swasta di Malaysia untuk mencapai standard kualiti yang diiktiraf di dunia.

- f. Memberi kesedaran kepada pihak sekolah supaya mewujudkan guru-guru yang berkeyakinan tinggi dan menyediakan diri sebaik mungkin untuk menjadi seorang guru yang berkualiti pada abad 21 ini untuk mendidik serta melahirkan generasi yang berkualiti.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif secara kajian kes yang bertujuan untuk mengenalpasti amalan Pengurusan mengenai elemen Pengurusan Kurikulum serta Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan. Menurut Mohd. Najib, 1999, kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan cara menganalisa data deskriptif yang diperolehi dengan pembentukan soal selidik.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan kualiti pengurusan kurikulum serta pengurusan keselamatan dan pengurusan kesihatan di SRIH. Soal selidik ini mengandungi bahagian A, bahagian B, bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A merupakan latar belakang responden. Manakala bahagian B ialah elemen pengurusan kurikulum, bahagian C ialah elemen pengurusan keselamatan dan bahagian D ialah elemen pengurusan kesihatan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah responden yang sepatutnya menjawab soal selidik serta merupakan seluruh orang atau objek yang dikaji. Bilangan populasi adalah seramai 68 orang guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah. Persampelan adalah proses untuk mendapatkan sampel daripada populasi. Ia merupakan kaedah yang baik untuk mengurangkan kos dan menggambarkan seluruh populasi. Sebagaimana yang diketahui, sampel adalah sumber untuk mendapatkan data. Persampelan bagi kajian ini adalah merangkumi semua populasi yang terlibat dalam Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru. Responden bagi kajian ini ialah terdiri daripada 68 orang guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru.

Instrumen Kajian

Soal Selidik

Dalam kajian ini, alat atau instrumen pengukuran yang digunakan adalah satu set borang soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Pemilihan soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain daripada keterangan latarbelakang (Oppenheim, 1966).

Kaedah pembinaan instrumen yang digunakan ini adalah merujuk kepada objektif kajian. Berdasarkan objektif kajian tersebut, penyelidik menetapkan persoalan-persoalan kajian yang hendak di kaji. Oleh itu, soal selidik ini dibina berdasarkan dari pemerhatian kepada elemen-elemen daripada Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Elemen yang bersesuaian dengan sekolah digunakan dan diolah untuk membentuk soalan item.

Instrumen ini dibina berdasarkan format Instrumen Pemastian Standard (IPS) dari Standard Kualiti Pendidikan Malaysia-2 (SKPM-2). Setiap elemen mempunyai aspek yang berkaitan, manakala setiap aspek diperihalkan melalui satu senarai item.

Sebelum mengedarkan soal selidik, pengkaji mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan daripada pensyarah dan guru besar yang berpengalaman untuk menilai kandungan item soal selidik. Ini kerana, pengkaji perlu mendapatkan bantuan daripada pensyarah atau pakar-pakar dalam sesuatu bidang bagi mengelakkan keaburhan atau mengelakkan soal selidiknya daripada tidak mencapai objektif penyelidikan.

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menyediakan satu set borang soal selidik (*Questionnaire survey method*) yang digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd. Majid (1994), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan serta dapat mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana. Kaedah soal selidik secara kajian kes dengan menggunakan borang soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data yang diperolehi juga mudah dianalisis. Selain daripada itu, kaedah ini juga menjimatkan masa, tenaga dan kos dalam proses pengendalian ke lokasi kajian.

Soal-selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bahagian A digunakan untuk mengisi maklumat peribadi atau latar belakang responden. Manakala bahagian B digunakan untuk mengkaji aspek-aspek pengurusan kurikulum. Bahagian C pula adalah untuk mengkaji aspek-aspek pengurusan keselamatan dan bahagian D untuk aspek pengurusan kesihatan. Pecahan item soal selidik adalah seperti dalam Jadual 1 :

Jadual 1 : Pecahan Item Soal Selidik

Bahagian	Nombor Item	Jumlah Item
Bahagian A Latar Belakang	1,2,3,4	4
Bahagian B Elemen 1: Pengurusan Kurikulum Aspek:	1 hingga 11	11
1.1 Jawatankuasa Kurikulum Sekolah		
1.2 Panitia Mata Pelajaran	12 hingga 29	18
1.3 Jadual Waktu Guru	30 hingga 37	8
1.4 Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	38 hingga 41	4
1.5 Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran	42 hingga 48	7
Bahagian C Elemen 2: Pengurusan Keselamatan Aspek:	49 hingga 62	14
2.1 Sistem Kawalan Keselamatan		

Bahagian D		
Elemen 3: Pengurusan Kesihatan	63 hingga 78	16
Aspek:		
3.1 Perkhidmatan Kesihatan Murid		

Kajian Rintis

Dalam kajian ini, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang responden di sebuah Sekolah Rendah Agama Swasta iaitu Sekolah Sri Johor Bahru beralamat di No 10, Jalan Abd Rahman Andak, 80000 Johor Bahru, Johor. Pemilihan responden adalah secara rawak mudah.

Kajian rintis dijalankan bertujuan memastikan alatan kajian (item soal selidik) yang dibina adalah bersesuaian dari segi bahasa dan istilah supaya mudah nanti diisi oleh responden dalam kajian sebenar dan yang paling penting adalah untuk menentukan kebolehpercayaan dalam soal selidik itu. Nilai kebolehpercayaan dalam soal selidik ini telah diuji dengan menggunakan Alpha Cronbach bagi menunjukkan bagaimana sesuainya hubungan item-item sebagai satu set soalan. Nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan item ialah 0.916 (LAMPIRAN B). Berdasarkan nilai (α) yang diperolehi menunjukkan bahawa instrumen soal selidik ini sesuai digunakan untuk mengkaji amalan pengurusan kurikulum, keselamatan dan kesihatan.

Ujian kebolehpercayaan Alpha Cronbach dalam SPSS digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan item soal selidik dengan menggunakan kriteria pada Jadual 2 berikut:

Jadual 2 Alpha Cronbach [Sumber: Mohd. Majid Konting (1994)]

Nilai Alpha	Kedudukan Item
0.0 - 0.2	Ubah semua item
0.2 - 0.8	Ubah sebahagian item
0.8 - 1.0	Item boleh diterima

Analisis Data

Jadual 3 dibawah menunjukkan purata min keseluruhan bagi Elemen Pengurusan Kurikulum mengikut aspek. Min keseluruhan bagi elemen Pengurusan Kurikulum adalah 2.72. Ini menunjukkan bahawa amalan pengurusan yang terkandung dalam Elemen Pengurusan Kurikulum di Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru adalah tinggi. Min tertinggi iaitu dari aspek 1.5 iaitu aspek Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran merupakan aspek yang selalu diamalkan oleh guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah dengan min 2.81. Min kedua tertinggi iaitu dari aspek 1.2 iaitu Panitia Mata Pelajaran dengan min 2.80 juga adalah tinggi. Manakala min paling rendah iaitu dari aspek 1.1 Jawatankuasa Kurikulum Sekolah dengan min 2.54. Tetapi walaupun minnya rendah aspek ini masih tinggi iaitu ianya selalu diamalkan oleh guru dalam pengurusan sekolah. Ini menunjukkan bahawa pengurusan Kurikulum begitu penting untuk diamalkan bagi meningkatkan pengurusan dan menjamin kualiti sekolah.

Jadual 3 Jadual Perbandingan Min Aspek-Aspek Pengurusan Kurikulum

No. Aspek	Aspek	Min	Tahap
1.1	Jawatankuasa Kurikulum Sekolah	2.54	Tinggi
1.2	Panitia Mata Pelajaran	2.80	Tinggi
1.3	Jadual Waktu Guru	2.78	Tinggi
1.4	Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	2.65	Tinggi
1.5	Perancangan dan Pembelajaran	2.81	Tinggi
Purata Min Keseluruhan		2.72	Tinggi

Dalam jadual 4 di bawah menunjukkan skor min bagi item-item aspek perkhidmatan kesihatan murid. Min keseluruhan bagi aspek perkhidmatan kesihatan murid ialah 2.11 sederhana. Ini menunjukkan bahawa amalan pengurusan yang terkandung dalam aspek sistem kawalan keselamatan murid dalam elemen Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan di Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru adalah pada tahap sederhana. Min tertinggi dalam aspek ini dapat dilihat iaitu dari item 76 iaitu sebanyak 64.7% (44 orang) menyatakan bahawa pihak Pihak Sekolah selalu memastikan penyelenggara menyediakan perkhidmatan yang bersih merupakan item yang selalu diamalkan di Sekolah Rendah Islam Hidayah dengan min 2.59. Ini menunjukkan bahawa amalan kebersihan merupakan faktor yang dititikberatkan bagi menjaga tahap kesihatan pelajar sekolah. Manakala min paling rendah iaitu dari item 67 dengan peratus 67.6% (46 orang) menyatakan bahawa pihak Sekolah tidak pernah mempamerkan carta alir pengurusan pelajar sakit disetiap bilik sakit di sekolah.

Jadual 4 Taburan Responden mengikut Kekejapan, Peratusan dan Min bagi aspek Perkhidmatan Kesihatan Murid

Bil	Item	Maklum Balas Respondan			Min
		Tidak Pernah	Sekali Sekala	Selalu	
2.2	Perkhidmatan Kesihatan Murid	<i>f</i> %	<i>f</i> %	<i>f</i> %	
63.	Pihak Sekolah mempunyai ciri-ciri pengurusan kesihatan dengan menyediakan bilik sakit di kawasan sekolah.	18 26.5%	13 19.1%	37 54.4%	2.28
64.	Pihak Sekolah menyediakan buku rekod penggunaan bilik sakit.	39 57.4%	10 14.7%	19 27.9%	1.71
65.	Pihak Sekolah menyediakan jadual tugas guru yang bertugas di bilik sakit.	35 51.5%	9 13.2%	24 35.3%	1.84

66.	Pihak Sekolah mempamerkan jadual tugas guru yang bertugas di bilik sakit.	43 63.2%	8 11.8%	17 25%	1.62
67.	Pihak Sekolah mempamerkan carta alir pengurusan pelajar sakit disetiap bilik.	46 67.6%	10 14.7%	12 17.6%	1.50
68.	Pihak Sekolah menyediakan buku rekod penggunaan ubat.	40 58.8%	16 23.5%	12 17.6%	1.59
69.	Pihak Sekolah memastikan kebersihan bilik sakit.	20 29.4%	21 30.9%	27 39.7%	2.10
70.	Pihak Sekolah menyediakan bilik rawatan untuk Perkhidmatan Klinik Bergerak Jabatan Kesihatan.	38 55.9%	12 17.6%	18 26.5%	1.71
71.	Pihak Sekolah memastikan jenis makanan yang dijual di kantin berkhasiat.	4 5.9%	25 36.8%	39 57.4%	2.51
72.	Pihak Sekolah menyediakan rekod kebersihan keseluruhan kantin.	9 13.2%	15 22.1%	44 64.7%	2.51
73.	Pihak Sekolah memastikan peralatan makanan dalam keadaan bersih.	6 8.8%	17 25%	45 66.2%	2.58
74.	Pihak Sekolah memastikan penyelenggara mempunyai sijil halal daripada JAKIM.	14 20.6%	15 22.1%	39 57.4%	2.37
75.	Pihak Sekolah memastikan penyelenggara mempunyai sijil kesihatan daripada pihak Jabatan Kesihatan.	21 30.9%	18 26.5%	29 42.6%	2.12
76.	Pihak Sekolah memastikan penyelenggara menyediakan perkhidmatan yang bersih.	4 5.9%	20 29.4%	44 64.7%	2.59
77.	Pihak Sekolah menyediakan peraturan kantin	11 16.2%	21 30.9%	36 52.9%	2.37
78.	Pihak Sekolah menyediakan rekod penyelenggaraan/ cucian tandas.	16 23.5%	14 20.6%	38 55.9%	2.32
Purata Min					2.11

*Nota: Angka bernombor bulat mewakili frekuensi Bil = Nombor Item

Perbincangan

Analisis kajian yang dibuat menunjukkan kualiti pengurusan kurikulum di SRIH berada pada tahap tinggi. Ini dapat dibuktikan dalam Seminar Institusi Pendidikan Swasta mengenai Tadbir Urus Terbaik yang telah diadakan pada 5 Disember 2007 dimana SRIH merupakan antara enam sekolah terbaik seluruh Malaysia. Purata min keseluruhan bagi elemen Pengurusan Kurikulum adalah 2.72. Min tertinggi iaitu dari aspek 1.5 iaitu aspek Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran merupakan aspek yang paling tinggi diamalkan oleh guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah dengan min 2.81. Min kedua tertinggi iaitu dari aspek 1.2 iaitu Jawatankuasa Panitia Mata Pelajaran dengan min 2.80. Seterusnya bagi aspek 1.3 iaitu Jawatankuasa Jadual Waktu Guru dengan purata min 2.78 dan bagi aspek 1.4 iaitu Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran dengan purata minnya ialah 2.65. Manakala min paling rendah iaitu dari aspek 1.1 Jawatankuasa Kurikulum Sekolah dengan min 2.54.

Untuk menyediakan sesuatu rancangan kerja yang baik dan berguna, guru harus terlebih dahulu menyedari kepentingan rancangan kerja terhadap pengajarannya. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah mengamalkan perancangan pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan yang merangkumi sepanjang tahun persekolahan. Menurut Mak Soon Sang (2001), Rancangan Kerja tahunan harus disediakan berdasarkan sukatan pelajaran keseluruhan tahun. Perkara-perkara penting seperti nombor rujukan sukatan pelajaran, objektif-objektif dan tajuk-tajuk pelajaran hendaklah di tulis dalam rancangan kerja tahunan. Kamaruddin Hj. Husin (1987), guru harus membuat persediaan sebelum mengajar, ini termasuk membuat persediaan dan perancangan mengajar dan merekodkan segala perkembangan kurikulum sekolah, membuat penilaian dengan menyemak buku kerja pelajar, mendokumentasikan setiap rekod pelajar dan menyelia serta mengawas tingkahlaku pelajar.

Rancangan pengajaran Tahunan disediakan pada awal tahun persekolahan. Penyediaan rancangan ini berpandukan sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, kesesuaian tahap kebolehan pelajar dan keadaan semasa. (Abdullah Sani Yahaya (2003). Dalam kajian ini, guru menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan berdasarkan sukatan pelajaran yang terkini. Menurut Penolong Kanan KBSR SRIH iaitu Pn Zurina Binti Ramly, Sukatan Pelajaran KBSR telah di sediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia manakala bagi Sukatan Pelajaran Syariah di sediakan oleh Pusat Pendidikan SRI-SMI Berhad (Musleh). Menurut Musleh Sukatan Pelajaran dan latihannya diperkaya dengan sistem penyampaian dan pedagogi terkini. Ia dipantau dan dicerap secara profesional untuk memastikan keseragaman dan berkualiti.

Dalam kajian ini antara aspek yang diamalkan oleh panitia mata pelajaran sekolah adalah berfungsi dengan menyelaras rancangan pelajaran, menyediakan belanjawan tahunan, melibatkan semua guru mata pelajaran, menganalisis kemajuan pencapaian murid dalam mata pelajaran berkaitan dan menyediakan minit mesyuarat mengikut prosedur yang ditetapkan.

Jawatankuasa Panitia Mata Pelajaran Sekolah berfungsi dengan menyelaraskan rancangan pelajaran menunjukkan bahawa amalan ini berada pada tahap tertinggi. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum KPM (2001), antara fungsi Panitia Mata Pelajaran adalah memperoleh sukatan dan huraian sukatan pelajaran yang terkini, menyedia dan menyelaraskan rancangan pelajaran, memilih dan mencadangkan buku teks dan buku kerja jika perlu kepada pihak jawatankuasa kurikulum serta mengadakan mesyuarat panitia mata pelajaran.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa min aspek Jawatankuasa Jadual Waktu Guru adalah tinggi (2.78). Ini selari dengan dapatan pernyataan Omardin Ashaari (1997), bahawa bagi mencapai kejayaan yang maksimum bagi sekolah dan juga pelajar perlu dirangka suatu program

pengajaran–pembelajaran yang tersusun dengan mengadakan sebuah jadual waktu kurikulum yang rapi dan sistematik, menurut garis panduan yang sah, penting dan praktikal.

Daripada analisis item 34 dan 36 mendapati amalan pihak sekolah menyediakan jadual waktu mengajar dengan berdasarkan bilangan guru dan pihak pengurusan sekolah memastikan guru mengajar mengikut jadual waktu yang diluluskan memperoleh skor min kedua tertinggi iaitu 2.93. Hasil daripada dapatan tersebut bersesuaian dengan pernyataan Omardin Ashaari (1997) yang menyatakan bahawa jumlah guru turut memainkan peranan penting kerana guru dengan masanya amat penting untuk berlakunya proses pengajaran. Selain itu mesti juga mengetahui jumlah guru yang mengikuti pengkhususan tertentu dan juga guru-guru yang akan terlibat dalam kursus atau mereka yang mengambil bahagian dalam aktiviti khas yang akan menyebabkan mereka akan meninggalkan sekolah untuk tempoh masa tertentu.

Rujukan

- Arpah Hj. Mohamad. Kesihatan Sekolah (1991). *Peranan dan Tanggungjawab Guru Besar dan Guru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Conti and Tito (1999). *Vision 2000: Positioning the new ISO 9000 Standard with Respect to total quality Management Models. Total Quality Management*. Vol.10 Issue 4/5: 454-456.
- Deming, W.E (1986). *Out of the Crisis: Quality, Productivity and Competitive Position*. USA. Cambridge University Press.
- Ee Ah Meng (1995). *Pedagogi Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti
- Hoyle, David (1994). *ISO 9000 Quality Sistem Handbook*. Oxford : Butterworth- Heinemann Ltd.
- Jami'ah Binti Hj Darmawan (2000). *Pengurusan Kualiti: Satu Tinjauan Pelaksanaannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Pengawa Barat, Pontian, Johor* Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1992). *Pendidikan Kesihatan Sekolah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Pai Ee (2003). *Pengurusan Kualiti di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru berdasarkan Kriteria-Kriteria (TQM)*. Projek Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1994). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ashari Idris. (2004). *Orientasi Kualiti Prinsip dan Amalan Strategik (Pertama)*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizam Mohd Zain (2001). *Kajian Mengenai Pengamatan Terhadap Pelaksanaan Prinsip-prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh ke arah pencapaian "Anugerah Sekolah Berkualiti di 3 buah sekolah di Negeri Kelantan*. Projek Sarjana Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Omardin Ashaari. (1996). *Pengurusan Sekolah – Satu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur. Percetakan Cergas Sdn. Bhd.
- Oppenheim, A.N. (1966). *Questionnaire Design and Attitude Measurement*, Gover. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Kepimpinan dan Pengurusan Kurikulum di Sekolah*. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Razali Arof (1991). *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1989. *Rancangan Kesihatan Sekolah*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Tan Soo Soo. (2000). *Laporan Usaha Mendokumentasi Elemen-Elemen Dalam Aspek Pengajaran dan Pembelajaran. Projek Sarjana Pentadbiran Pengurusan*, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Thierauf et. al (1977). *Excellence in Management. Englewood Cliffs*. NJ Prentice Hall.
- Unikrishnan Menon (1997). *TQM dan ISO 9000: Pelaksanaan Dalam Sistem Pendidikan: Jurnal Wacana Pendidikan*, Maktab Perguruan Pasir Panjang, Terengganu. Hal. 1-27.
- Wilson, John D. (1988). *Appraising Teaching Quality*. London: Holder and Stoughton.
- Zhu, Zhiwei and Scheuermann, Larry (1999). *A Comparison of Quality Programmes: Total Quality Management and ISO 9000*. Total Quality Management. Vol.10 Issue2 : 291-298.